A

Feezree bin Ferdause lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (KLANG) — RAYUAN JENAYAH NO BA-42S-58–08 TAHUN 2017 DAN BA-42H-135 TAHUN 2017
MEOR HASHIMI PK
28 JANUARI 2019

C

Keterangan — Saksi — Saksi berkepentingan — Sama ada saksi-saksi pembelaan adalah saksi berkepentingan — Sama ada pembelaan perayu merupakan penafian semata-mata

D

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dipertuduh dengan pertuduhan cubaan merogol, melakukan persetubuhan diluar aturan tabii dan rompakan — Hakim bicara mensabitkan perayu bersalah di atas ketiga-tiga pertuduhan dan menjatuhkan hukuman — Sama ada hakim bicara telah membuat penilaian maksima ke atas keterangan saksi-saksi — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada pembelaan perayu penafian semata-mata — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah — Sama ada sabitan selamat — Sama ada hukuman penjara harus berjalan serentak — Sama ada hukuman yang dijatuhkan wajar, setimpal dan munasabah dengan kesalahan perayu — Sama ada hakim bicara telah mengaplikasikan prinsip penghukuman yang betul — Kanun Keseksaan ss 376(2)(b), 377, 392 & 511

E

F

Perayu telah dituduh dengan tiga pertuduhan iaitu: (a) cubaan merogol mangsa ('SP2'), satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 376(2)(b) Kanun Keseksaan ('Kanun') dibaca bersama s 511 Kanun ('pertuduhan pertama'); (b) dengan sengaja telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii dengan memasukkan kemaluan ke dalam mulut SP2, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 377 Kanun ('pertuduhan kedua'); dan (c) telah melakukan rompakan ke atas SP2 dengan merompak seunit telefon bimbit, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 392 Kanun ('pertuduhan ketiga'). Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan beberapa orang saksi iaitu bapa SP2 ('SP1'), pengawal keselamatan *apartment* Brunsfield ('SP9'), Insp Mohd Izuan ('SP11'), juruteknik *apartment* Brunsfield yang melihat rakaman CCTV ('SP7'), Sjn Nasir bin Mohamad ('SP14') dan pegawai penyiasat kes ('SP15'). Pihak pendakwaan menyatakan bahawa pada hari kejadian, SP2 yang memandu kereta jenis Myvi berwarna putih telah masuk ke kawasan tempat letak kereta *apartment* Brunsfield diikuti oleh perayu yang memandu kereta jenis Myvi berwarna oren. Perayu kemudian telah membuka pintu kereta SP2 dan menolak SP2 ke kerusi penumpang

G

H

I

bahagian hadapan. Perayu kemudian telah memandu kereta SP2 keluar dari *apartment* tersebut. Seterusnya perayu telah memberhentikan kereta di tepi jalan dan memasukkan secara paksa kemaluannya ke dalam mulut SP2 dan cuba untuk merogol SP2. Perayu kemudian memandu kereta SP2 kembali ke *apartment* tersebut. Setelah tiba di *apartment* tersebut, perayu memaksa SP2 untuk manaiki kereta miliknya iaitu Myvi berwarna oren. Setelah memandu keretanya keluar dari kawasan *apartment*, perayu telah memaksa SP2 untuk keluar dari keretanya apabila mereka tiba di Tesco Seksyen 13, Shah Alam. Pada ketika itulah telefon bimbit milik SP2 dirompak oleh perayu. Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen ('hakim bicara') mendapati bahawa kes prima facie telah dibuktikan. Bagi kes pembelaan, perayu telah memanggil dua saksi iaitu ibu perayu ('SD2') dan abang perayu ('SD3'). Perayu telah menafikan ketiga-tiga tuduhan dan menyatakan bahawa dia hanyalah berborak kosong dengan SP2 pada masa kejadian. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara dapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Hakim bicara seterusnya mensabitkan perayu bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan dan menjatuhkan hukuman seperti berikut: (a) penjara 12 tahun dari tarikh jatuh hukum dan tiga sebatan bagi pertuduhan pertama; (b) penjara 14 tahun dari tarikh jatuh hukum dan empat sebatan bagi pertuduhan kedua; dan (c) penjara lapan tahun dari tarikh jatuh hukum bagi pertuduhan ketiga. Kesemua hukuman penjara terhadap perayu berjalan serentak. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman manakala pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan terhadap hukuman.

Diputuskan, menolak kedua-dua rayuan perayu dan pihak pendakwaan; dan mengekalkan keputusan hakim bicara:

(1) Mahkamah atasan yang mendengar suatu rayuan mempunyai kewajipan undang-undang untuk menilai dan menguji keterangan pihak pendakwaan dan juga pembelaan dengan menyeluruh bagi memastikan sabitan yang dikenakan adalah selamat. Selanjutnya mahkamah atasan tersebut boleh mengubah dan menggantikan dapatan hakim bicara sekiranya dapat ditunjukkan bahawa dapatan hakim bicara ternyata salah atau tidak berasaskan keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan (lihat perenggan 19).

(2) Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa, mengambil kira keadaan dan fakta dalam kes semasa, keterangan SP2 adalah konsisten dan boleh dipercayai dan juga bersandarkan kepada peruntukan s 157 Akta Keterangan 1950, keterangan SP2 telah disokong sewajarnya oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain dan juga keterangan lain seperti laporan polis SP2, rakaman CCTV semasa kejadian, penemuan telefon bimbit SP2 dalam simpanan perayu dan dijumpai dalam bilik perayu, pengecaman pakaian yang dipakai oleh

perayu semasa kejadian oleh SP2, pengecaman perayu oleh SP2 semasa kawad cam dan pengecaman perayu di mahkamah dari kandang orang salah (lihat perenggan 50).

(3) Keterangan material saksi-saksi pendakwaan telah dibuat penilaian maksima oleh hakim bicara yang bijaksana di akhir kes pendakwaan. Intipati-intipati pertuduhan pertama, kedua dan ketiga telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan melampaui keraguan yang munasabah. Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana, setelah penilaian maksima dibuat kepada keterangan kes pendakwaan di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu dan oleh itu perayu telah dipanggil untuk membela diri bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut (lihat perenggan 29 & 53–54).

(4) Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa SD2 dan SD3 adalah saksi yang berkepentingan. Namun begitu, kedua-dua saksi tersebut tidak berada di tempat kejadian semasa kejadian dan oleh itu, tidak mempunyai pengetahuan mengenai apa yang telah berlaku di antara perayu dan SP2 semasa kejadian (lihat perenggan 63).

(5) Pembelaan perayu merupakan satu penafian semata-mata dan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan. Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa penafian, jika tidak disokong oleh keterangan yang kukuh dan boleh dipercayai, adalah 'self-serving assertion' yang tidak mempunyai apa-apa nilai/berat keterangan di sisi undang-undang. Penafian oleh perayu tidak boleh mengatasi keterangan positif, jelas dan tegas oleh SP2. Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan sabitan ke atas perayu bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut adalah selamat dan wajar dikekalkan (lihat perenggan 67–68).

(6) Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa hukuman penjara bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut hendaklah berjalan serentak, mulai dari tarikh jatuh hukum, kerana ketiga-tiga kesalahan tersebut berlaku dalam satu kejadian yang sama, pada tarikh dan masa yang sama dan juga melibatkan mangsa dan perayu yang sama. Hukuman yang diberikan oleh hakim bicara adalah wajar, setimpal dan munasabah dengan kesalahan yang dilakukan oleh perayu. Hakim bicara juga telah mengaplikasikan prinsip penghukuman yang betul dan telah menimbangkan sewajarnya mitigasi rayuan hukuman dan hujahan pemberatan hukuman (lihat perenggan 69).

[English summary

The appellant was charged with three charges: (a) attempted rape of the victim ('SP2'), an offense punishable under s 376(2)(b) of the Penal Code ('the Code')

read with s 511 of the Code ('the first charge'); intentionally committed sexual intercourse against the order of nature by the introduction of the penis into the mouth of SP2, an offense punishable under s 377 of the Code ('the second charge'); and (c) had committed robbery on SP2 by robbing one unit of cell phone, an offense punishable under s 392 of the Code ('the third charge'). The prosecution relied on the evidence of several witnesses namely SP2's father ('SP1'), Brunsfield apartment security guard, Insp Mohd Izuan ('SP11'), Brunsfield apartment technician who saw the CCTV footage ('SP7'), Sgt Nasir bin Mohamad ('SP14') and case investigating officer ('SP15'). The prosecution stated that on the day of the incident, SP2 who was driving a white Myvi car had entered the Brunsfield apartment parking area followed by the appellant driving an orange coloured Myvi car. The appellant then opened SP2's car door and pushed SP2 to the front passenger seat. The appellant then drove SP2 out of the apartment. Subsequently the appellant had stopped the car by the side of the road and forcefully inserted his penis into the mouth of SP2 and attempted to rape SP2. The appellant then drove SP2's car back to the apartment. Upon arriving at the apartment, the appellant forced SP2 to get on his car, which was the orange coloured Myvi. After driving his car out of the apartment area, the appellant had forced SP2 to get out of his car when they arrived at Tesco Section 13, Shah Alam. That was when SP2's cell phone was robbed by the appellant. At the end of the prosecution's case, the sessions court judge ('the trial judge') found that a prima facie case had been proven. For the defence case, the appellant has called two witnesses namely the appellant's mother ('SD2') and the appellant's brother ('SD3'). The appellant had denied the three charges and stated that he had only an empty talk with SP2 at the time of the incident. At the end of the defence case, the trial judge said that the prosecution had proven his case beyond reasonable doubt. The trial judge then convicted the appellant guilty of the three charges and sentenced the following: (a) 12 years of imprisonment from the date of the sentence and three strokes of whipping for the first charge; (b) 14 years of imprisonment from the sentence date and four strokes of whipping for the second charge; and (c) eight years of imprisonment from the date of the sentence for the third charge. All imprisonment sentences against the appellant to run concurrently. Aggrieved with the decision, the appellant had filed an appeal against conviction and sentence while the prosecution had filed an appeal against the sentence.

Held, dismissing both of the appeal of the appellant and prosecution; and maintaining the decision of the trial judge:

(1) The superior court hearing an appeal had the legal obligation to assess and test thoroughly the prosecution's evidence and also the defence to ensure that the conviction was safe. Furthermore, the superior court may change and substitute the trial judge's findings if it could be shown that the judge's findings were wrong or not based on evidence submitted during the trial (see para 19).

(2) The court agreed with the findings of the trial judge that, taking into account the circumstances and facts of the current case, the evidence of SP2 was consistent and reliable and was also based on the provisions of s 157 of the Evidence Act 1950, the evidence of SP2 had been supported accordingly with the evidence of other prosecution's witnesses and other evidence such as SP2's police report, CCTV recording of the incident, discovery of SP2's cell phone in the appellant's possession and found in the appellant's room, identification of the clothes worn by the appellant during the incident by SP2, the appellant's identification by SP2 during the identification parade and the appellant's identification in court from the dock (see para 50).

(3) The material evidence of the prosecution's witnesses had been made to the maximum evaluation by the learned trial judge at the end of the prosecution's case. The elements of the first, second and third charges had been proved by the prosecution beyond reasonable doubt. The court agreed with the finding of the learned trial judge, after the maximum evaluation was made to the evidence of the prosecution's case at the end of the prosecution's case, the prosecution had proven a prima facie case against the appellant and therefore the appellant had been called upon to defend himself for the three charges (see paras 29 & 53–54).

(4) The court agreed with the findings of the trial judge that SD2 and SD3 were interested witnesses. However, both witnesses were not at the scene of the incident and therefore, had no knowledge of what had happened between the appellant and SP2 during the incident (see para 63).

(5) The defence of the appellant was a mere denial and failed to cause reasonable doubt in the prosecution's case. it was trite law that a denial, if not supported by strong and credible evidence, was a 'self-serving assertion' which did not have any value/weight beside the law. The denial by the appellant could not overcome the positive evidence, clearly and explicitly by SP2. The court agreed with the findings of the trial judge that the prosecution had proven its case beyond reasonable doubt and the conviction on the appellant for the three charges were safe and should be maintained (see paras 67–68).

(6) The court agreed with the findings of the trial judge that the imprisonment sentence for the three charges shall run concurrently, starting from the date of the sentence, as the three charges took place in the same event, at the same date and time and also involved the same victim and appellant. The sentence awarded by the trial judge was fair, appropriate and reasonable with the offense committed by the appellant. The trial judge had also applied the correct principle of judgment and had reasonably considered the mitigation of appeal of punishment and submissions of heavier sentence (see para 69).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 45–101.

Untuk kes-kes mengenai saksi berkepentingan, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 3638–3656.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Malek Atan v PP [2002] 6 CLJ 405, MT (dirujuk)
Ahmadi bin Moin v PP [2017] MLJU 271; [2017] 1 LNS 303, MR (dirujuk)
Arumugam s/o Muthusamy v PP [1998] 3 MLJ 73, MP (dirujuk)
Bachik Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534 (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
Basuni Toher v PP [2012] 1 LNS 603, MR (dirujuk)
Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193, MP (diikut)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737, MP (dirujuk)
Dorai Pandian a/l Munian & Anor v PP [2009] 4 MLJ 525, MR (dirujuk)
Duis Akim & Ors v PP [2014] 1 MLJ 49; [2013] 9 CLJ 692, MP (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209, MP (dirujuk)
Lai Kim Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84, MP (dirujuk)
Lee Ah Seng & Anor v PP [2007] 6 MLJ 1; [2007] 5 CLJ 1, MP (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Mohamed bin Kasdi v PP [1969] 1 MLJ 135 (dirujuk)
Mohd Yusof B Rahmat v Pendakwa Raya [2009] MLJU 33; [2009] 2 CLJ 673, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan [2014] 1 MLJ 363, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya v Prabu a/l Veeramuthu and Others [2010] MLJU 663; [2010] 8 CLJ 257, MR (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315, MR (dirujuk)
PP v Leong Heo Cheong [1990] MLJU 11; [1990] 2 CLJ Rep 738, MT (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859, MR (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393, MP (dirujuk)
PP v Rajan Sinniah [2007] 8 CLJ 674, MT (dirujuk)
R v Ball (1951) 35 Cr App Rep 164 (dirujuk)
R v Sargeant (1974) 60 Cr App Rep 74, MR (dirujuk)
R v Turnbull & Ors [1976] 3 All ER 549, MR (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, MP (dirujuk)
Yit Kean Hong v PP [2005] 4 CLJ 592, MR (dirujuk)

Zainal bin Ibrahim v Pendakwa Raya [2009] MLJU 1055; [2010] 3 CLJ 1018, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 114(b), 118, 133A, 134
Kanun Keseksaan ss 376, 376(2)(b), 377C, 392, 511
Kanun Tatacara Jenayah ss 173(h)(i), 180

Fakhrul Redha (Wan Azwan Aiman bersamanya) (Azwan Aiman Fakhrul & Co) bagi pihak perayu.
Poh Yih Tinn (Mohd Raimi bin Ramly bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Meor Hashimi PK:

LATAR BELAKANG KES

[1] Ini adalah rayuan Feezree bin Ferdause terhadap sabitan dan hukuman dan rayuan pendakwa raya terhadap hukuman yang telah diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen (2) Shah Alam ('hakim bicara') yang bijaksana pada 20 Julai 2017 bagi tiga kesalahan di bawah s 376(2)(b) Kanun Keseksaan dibaca bersama s 511 Kanun Keseksaan, s 377C Kanun Keseksaan dan s 392 Kanun Keseksaan terhadap Feezree bin Ferdause. Dalam rayuan silang ini, untuk kemudahan rujukan, Feezree bin Ferdause akan dirujuk sebagai perayu dan pendakwa raya sebagai responden.

[2] Di akhir kes pembelaan pada 20 Julai 2017, perayu telah disabitkan dan didapati bersalah oleh hakim bicara yang bijaksana bagi ketiga-tiga pertuduhan yang dihadapkan ke atas perayu dan telah dijatuhkan hukuman-hukuman seperti berikut:

(a) pertuduhan pertama: penjara 12 tahun dari tarikh jatuh hukum dan tiga sebatan;

(b) pertuduhan kedua: penjara 14 tahun dari tarikh jatuh hukum dan empat sebatan; dan

(c) pertuduhan ketiga: penjara lapan tahun dari tarikh jatuh hukum.

Kesemua hukuman penjara terhadap perayu berjalan serentak.

[3] Pihak perayu dan responden, yang kedua-duanya, telah terkilan dengan keputusan hakim bicara yang bijaksana, telah merayu kepada mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan dan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara yang bijaksana. Mahkamah ini setelah meneliti rekod rayuan dan menimbangkan hujahan bertulis dan lisan oleh kedua-dua pihak, telah

menolak rayuan perayu dan juga menolak rayuan responden dan mengekalkan sabitan dan hukuman yang telah diberikan oleh hakim bicara yang bijaksana pada 20 Julai 2017.

PERTUDUHAN-PERTUDUHAN TERHADAP PERAYU

[4] Pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu dapat dilihat di ms 1–5 rekod rayuan Jld 1 dan dinyatakan seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 07/09/2014 jam lebih kurang 6.00 pagi hingga 6.35 pagi bertempat di sekitar Seksyen 13, Shah Alam dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah cuba merogol Athirah bt Abdul Razak KP No: 910718-06-5384, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(2)(b) Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 511 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 07/09/2014 jam lebih kurang 6.00 pagi hingga 6.35 pagi bertempat di sekitar Seksyen 13, Shah Alam dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan dengan sengaja telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii iaitu telah memasukkan zakar kamu ke dalam mulut Athirah bt Abdul Razak KP No: 910718-06-5384, tanpa kerelaannya, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 377C Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 07/09/2014 jam lebih kurang 6.45 pagi hingga 7.00 pagi bertempat berhampiran Tesco, Seksyen 13, Shah Alam dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melakukan rompak ke atas Athirah bt Abdul Razak KP No: 910718-06-5384, dengan merompak 1 telefon bimbit jenama Samsung S3 bernilai lebih kurang RM850.00. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 392 Kanun Keseksaan

KES PIHAK PENDAKWAAN

[5] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 15 orang saksi pendakwaan untuk membentangkan naratif kes pendakwaan. Secara ringkasnya, kes pendakwaan ialah seperti berikut. Mangsa iaitu Athirah bt Abdul Razak ('SP2') mengatakan pada 7 September 2014, jam lebih kurang 6 pagi, ketika mangsa sedang meletakkan (*parking*) keretanya, Myvi berwarna putih, nombor pendaftaran WUW 4172, di kawasan parking *apartment* Brunsfield, Shah Alam, (tempat tinggal SP2), tiba-tiba ada sebuah kereta Myvi berwarna oren, nombor pendaftaran MBS 1571 yang diletakkan selang satu petak dari kereta SP2. Tiba-tiba datang seorang lelaki botak dan tinggi dari kereta Myvi

berwarna oren tersebut mengetuk tingkap kereta SP2 (disahkan kemudian lelaki botak dan tinggi itu ialah perayu/OKT), dan bertanyakan kepada SP2 di manakah Blok D. Semasa itu, enjin kereta SP2 masih dihidupkan dan kereta SP2 masih berkunci.

[6] SP2 berasa tidak sedap hati (merasakan perayu tidak berniat baik) kerana memang tidak ada Blok D di kawasan *apartment* tersebut. Oleh itu, SP2 hanya menjawap pertanyaan perayu melalui tingkap kereta SP2 yang dibuka sedikit dan tidak membuka pintu kereta SP2 dan kemudian nampak perayu beredar pergi daripada kereta SP2. Apabila SP2 melihat perayu tiada di situ, SP2 pun mematikan enjin kereta SP2 dan kunci kereta SP2 terbuka secara automatik. Dengan tiba-tiba, perayu muncul semula di tepi pintu kereta SP2 dan dengan paksa, telah cuba membuka pintu kereta SP2 sebelah pemandu tetapi telah dihalang oleh SP2 dari dalam kereta SP2. Walau bagaimanapun, SP2 tidak dapat menghalang perayu daripada membuka pintu kereta SP2 kerana perayu lebih kuat/besar daripada SP2, dan akhirnya perayu telah dapat membuka pintu kereta SP2 dan terus masuk di tempat pemandu dan menolak SP2 ke tempat duduk sebelah pemandu. Apabila perayu masuk ke dalam kereta SP2, perayu terus mengambil kad akses dan telefon bimbit SP2.

[7] Keadaan yang berlaku secara tiba-tiba pada masa kejadian tersebut telah menyebabkan SP2 berasa amat terkejut, panik dan takut/trauma. Apabila perayu telah masuk secara paksa ke dalam kereta SP2, perayu terus mengunci kereta SP2 dan ini telah menyebabkan SP2 tidak dapat lari keluar daripada kereta SP2. Perayu kemudiannya memandu kereta SP2 bersama SP2 di sebelah perayu, keluar dari kawasan *apartment* dan memberitahu SP2, kononya perayu hendak mencari seorang budak MSU bernama Fatin yang telah menipu dia sebanyak RM10,000 dan meminta SP2 menolong perayu mencari Fatin. SP2 yang tidak mengenali Fatin telah merayu kepada perayu supaya melepaskan SP2 tetapi tidak dipedulikan oleh perayu. Pada masa itu, SP2 sudah berasa macam orang gila, pucat serta menangis di dalam kereta SP2.

[8] Semasa SP2 berada di dalam kereta SP2 yang dipandu oleh perayu, perayu telah mula memegang, menyentuh dan meraba-raba badan serta buah dada SP2 dengan menggunakan tangan kirinya. SP2 yang marah dengan tindakan perayu telah cuba mengelakkan perayu berbuat sedemikian tetapi gagal kerana perayu tidak mahu berhenti dan telah diugut oleh perayu supaya mengikut arahan perayu. SP2 berasa takut dicederakan oleh perayu kerana secara fizikal, badan perayu lebih besar dan perayu lebih kuat daripada SP2. Selanjutnya, perayu telah cuba memeluk SP2 secara paksa tetapi telah ditepis oleh SP2. Perayu kemudiannya telah memaksa SP2 memegang kemaluan perayu di bahagian luar seluar perayu. Perbuatan perayu adalah secara paksa dan tanpa kerelaan SP2 yang terpaksa berbuat sedemikian kerana telah dipaksa/diugut oleh perayu.

[9] Selanjutnya, perayu dengan sendiri, telah membuka sendiri zip seluar dan juga seluar dalam perayu dan telah memaksa SP2 memegang dan menggosok kemaluan perayu. Selepas itu, perayu telah memberhentikan kereta di tepi jalan dan telah memaksa dan menggugut SP2 membuka seluar dan seluar dalam SP2. Kemudian perayu telah merebahkan tempat duduk SP2 dan memaksa SP2 menghisap kemaluan perayu.

[10] SP2 yang telah dipaksa dan diugut oleh perayu terpaksa menghisap kemaluan perayu dan pada masa itu, muka SP2 berada di celah kangkang perayu. Pada masa itu, seluar dan seluar dalam SP2 telah dibuka dan berada di paras lutut SP2. Kemudiannya, perayu telah naik ke atas badan SP2 sambil memasukkan jari perayu ke dalam kemaluan SP2 dan juga memegang buah dada SP2. Selanjutnya, perayu telah memaksa SP2 untuk mengangkang dan perayu telah naik di atas badan SP2. Pada masa itu, seluar dalam perayu telah dibuka dan berada di paras lutut perayu. Perayu telah cuba merogol SP2 tetapi perayu tidak dapat berbuat sedemikian kerana SP2 tidak merelakan perbuatan perayu dan telah berjaya memusingkan badan SP2 di tempat duduk dalam kereta dan tidak membenarkan perayu berada di atas badan SP2. Ini menyebabkan perayu tidak dapat merogol SP2. Jika tidak, SP2 akan menjadi mangsa rogol perayu.

[11] Apabila perayu tidak berjaya merogol SP2, perayu masih tidak mahu berhenti dan selanjutnya telah memaksa SP2 menggosok dan bermain lagi dengan kemaluan perayu. Tidak berapa lama selepas itu, akibat tidak dapat menahan nafsu seksnya, perayu sendiri telah bermain dan menggosok kemaluan perayu sendiri sehingga mengeluarkan air maninya sendiri. SP2 nampak air mani keluar daripada kemaluan perayu dan nampak kemaluan perayu berada dalam keadaan sangat tegang apabila perayu memancutkan air maninya sendiri.

[12] Selepas perayu memancutkan air maninya sendiri, perayu telah memandu kereta SP2 balik ke *apartment* dan menggunakan kad akses milik SP2, telah masuk ke kawasan *apartment*. Kemudiannya perayu telah pergi ke kereta perayu yang diletakkan di kawasan tempat letak kereta *apartment* dan memandu semula kereta perayu dan pada masa yang sama, telah memaksa SP2 menaiki kereta perayu. SP2 terpaksa menaiki kereta perayu dan perayu telah memandu keretanya bersama SP2 keluar dari kawasan *apartment* dan apabila sampai di Tesco Seksyen 13 Shah Alam, perayu telah memaksa SP2 keluar daripada kereta perayu dan meninggalkan SP2 di tepi jalan.

[13] Semasa SP2 ditinggalkan di tepi jalan dekat Tesco Shah Alam oleh perayu, perayu telah mencampakkan kad akses, kunci kereta SP2 dan duit SP2 melalui tingkap kereta perayu dan perayu telah merompak telefon bimbit SP2 berjenama Samsung S3, berwarna biru gelap. Selepas ditinggalkan di situ, SP2

terpaksa berjalan kaki ke *apartment* SP2 dalam beberapa minit (kurang dari lima minit) dan apabila sampai di *apartment* tersebut, SP2 terus pergi ke pondok pengawal keselamatan dan memaklumkan pengawal keselamatan yang bertugas semasa itu (SP9) mengenai kejadian yang telah menimpa SP2 dan juga telah meminjam telefon bimbit SP9 untuk menelefon bapa SP2 iaitu SP1 yang tinggal di Kuala Terengganu.

[14] SP2 yang telah meminjam telefon bimbit pengawal keselamatan tersebut (SP9), dengan segera, telah menghubungi SP1 (bapa SP2) yang tinggal di Kuala Terengganu dan telah memaklumkan secara ringkas di dalam perbualan telefon mereka, apa yang telah terjadi kepada diri SP2 akibat perbuatan perayu. Selepas itu, bapa SP2 iaitu SP1 telah menaiki kapal terbang dari Kuala Terengganu dan sampai ke Shah Alam pada hari yang sama dan berjumpa dengan SP2 di Balai Polis Shah Alam.

[15] SP2 (mangsa) yang berumur 23 tahun semasa kejadian telah memberikan keterangan bersumpah dalam bahasa Malaysia dengan penuh yakin dan konsisten semasa perbicaraan di mahkamah. SP2 adalah saksi yang kredibel. Keterangan SP2 boleh dipercayai dan diterima oleh mahkamah bicara. Tiada sebab untuk SP2 mereka-reka cerita dan menganiaya perayu. SP2 tidak mengenali perayu. Perayu sendiri yang mencari mangsa. Perayu sendiri yang telah pergi ke *apartment* SP2. SP2 telah menjadi mangsa keganasan seksual perayu. Akibatnya, SP2 telah mengalami trauma dan ketakutan yang amat sangat akibat perbuatan perayu semasa kejadian. Pengalaman ngeri ini tidak dapat dilupakan oleh SP2. Secara keseluruhannya, setelah penilaian maksima dibuat, SP2 adalah seorang saksi yang boleh dipercayai (*credible*) dan keterangan SP2 telah diterima oleh mahkamah bicara dan juga oleh mahkamah ini. Kredibiliti dan kebolehpercayaan SP2 tidak dapat dipertikaikan oleh perayu.

PEMBELAAN PERAYU

[16] Perayu (SD1) pada 10 Julai 2017, apabila dipanggil membela diri di akhir kes pendakwaan bagi ketiga-tiga pertuduhan yang dihadapkan terhadap perayu, telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah dalam Bahasa Malaysia. Perayu juga telah memanggil ibu perayu, Mastura bt Mohd Ariffin (SD2) dan abang perayu, Fahmeze bin Ferdause (SD3) sebagai saksi pembelaan. Dalam keterangan pembelaannya, perayu telah mengatakan seperti berikut:

(a) perayu telah menafikan ketiga-tiga pertuduhan yang dihadapkan ke atasnya;

(b) perayu telah bertemu dengan SP2 (mangsa) yang merupakan kenalannya, pada jam 5.30 pagi di Stesyen Minyak Shell Batu 3, Shah Alam pada masa kejadian;

(c) SP2 telah mengajak perayu berbual-bual di dalam satu kereta dan mencadangkan perayu meletakkan kereta perayu di kawasan letak kereta apartment Brunsfield, (tempat tinggal SP2);

(d) perayu telah membawa kereta perayu masuk ke dalam kawasan letak kereta di apartment tersebut dan semasa hendak masuk ke tempat letak kereta, telah menolak palang keselamatan ke tempat letak kereta dengan menggunakan tangan perayu kerana kononnya palang tersebut mengalami kerosakan;

(e) selepas perayu meletakkan kereta perayu di sebelah kereta SP2 di kawasan letak kereta apartment tersebut, perayu telah masuk ke dalam kereta SP2 dan terus duduk di kerusi pemandu manakala SP2 pula duduk di kerusi penumpang hadapan di sebelah perayu;

(f) perayu kemudiannya telah memandu kereta SP2 di sekitar Seksyen 13 Shah Alam sambil berbual-bual kosong dengan SP2;

(g) selepas berbual-bual dengan SP2 di dalam kereta SP2, perayu kemudiannya telah memandu kereta SP2 balik ke apartment SP2 dan apabila sampai di apartment SP2, telah keluar daripada kereta SP2 dan meninggalkan SP2 di apartment tersebut;

(h) semasa berada di dalam kereta SP2, perayu mengatakan SP2 berada dalam keadaan biasa dan tidak ada apa-apa yang berlaku;

(i) perayu menafikan telah melakukan apa-apa perbuatan tidak senonoh terhadap SP2;

(j) perayu menafikan telah cuba merogol SP2;

(k) perayu menafikan telah memasukkan kemaluan perayu ke dalam mulut SP2;

(l) perayu menafikan telah memancutkan air maninya di dalam kereta SP2;

(m) perayu mengatakan hanya berborak-borak dengan SP2 di dalam kereta SP2;

(n) perayu mengatakan telah menolak palang keselamatan di apartment tersebut dengan tangan kerana palang tersebut mengalami kerosakan;

(o) perayu menafikan telah melakukan kekerasan seksual terhadap SP2;

(p) perayu menafikan telah naik ke atas badan SP2 untuk merogol SP2;

(q) perayu mengatakan tidak pernah menyentuh langsung SP2 semasa berada di dalam kereta SP2;

(r) perayu menafikan telah merompak telefon bimbit SP2;

(s) perayu mengatakan SP2 yang telah tertinggal telefon bimbitnya di dalam kereta perayu kerana hendak cepat turun;

(t) perayu mengatakan tidak tahu macam mana hendak menghubungi SP2 mengenai telefon bimbit SP2 yang tertinggal dalam kereta perayu;

(u) perayu mengatakan pernah berjumpa SP2 tetapi tidak kenal sangat/tidak rapat;

(v) perayu tidak pernah menghubungi SP2 sebelum ini;

(w) perayu merancang untuk berjumpa SP2 untuk memulangkan telefon bimbit SP2 tetapi tidak sempat berbuat sedemikian kerana sibuk bekerja;

(x) perayu mengatakan semasa beliau bekerja, telefon bimbit SP2 berada di rumah perayu; dan

(y) perayu mengatakan sim card ibunya (SD2) berada dalam telefon bimbit SP2 sebab perayu hendak menelefon SP2 mengenai telefon bimbit SP2.

KETERANGAN SD2

[17] Dalam keterangan sebagai saksi pembelaan, ibu perayu, Puan Mastura bt Mohd Ariffin (SD2) mengatakan seperti berikut:

(a) SD2 tidak tahu apa-apa dan tidak tahu kenapa perayu ditangkap;

(b) SD2 telah menjumpai telefon bimbit SP2 dalam kereta perayu apabila menggunakan kereta perayu dan bertanyakan kepada perayu telefon bimbit tersebut milik siapa?

(c) apabila ditanya oleh SD2, perayu mengatakan telefon bimbit itu milik kawan perayu yang menumpang kereta perayu dan tertinggal telefon bimbit dalam kereta perayu dan perayu hendak memulangkan telefon bimbit tersebut kepada kawannya;

(d) SD2 memberikan sim cardnya kepada perayu untuk digunakan dalam telefon bimbit SP2 tetapi tidak dapat digunakan kerana kata laluan telefon bimbit tersebut telah dikunci;

(e) SD2 telah memberikan kepada pihak polis baju, seluar dan seluar dalam yang dipakai oleh perayu dua hari selepas perayu ditangkap;

(f) SD2 mengatakan perayu tidak mempunyai masalah kewangan dan sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak; dan

(g) SD2 mengakui telah menyerahkan baju, seluar dan seluar dalam perayu yang telah dibasuh kepada pihak polis.

A KETERANGAN SD3

[18] Sebagai saksi ketiga dan terakhir pihak pembelaan, SD3 (Fahmeze bin Ferdause), abang perayu, dalam keterangannya, telah mengatakan seperti berikut:

B

(a) SD3 tidak tahu kenapa perayu ditangkap oleh pihak polis;

(b) kereta Myvi berwarna oren, selain digunakan oleh perayu, digunakan juga oleh SD2 dan SD3;

C (c) sebelum perayu ditangkap oleh pihak polis, pada petang itu, ibunya (SD2) ada bertanyakan SD3 telefon bimbit siapa dalam kereta Myvi tersebut;

(d) SD3 tidak tahu perayu berada di mana pada 7 September 2014 di antara jam 6–7 pagi; dan

D

(e) SD3 tidak berada bersama perayu pada 7 September 2014 di antara jam 6–7 pagi.

KEWAJIPAN MAHKAMAH ATASAN YANG MENDENGAR RAYUAN
E PERAYU

[19] Mahkamah atasan yang mendengar suatu rayuan tersebut mempunyai kewajipan undang-undang untuk menilai dan menguji keterangan pihak pendakwaan dan juga pembelaan dengan menyeluruh bagi memastikan
F sabitan yang dikenakan adalah selamat. Selanjutnya mahkamah atasan tersebut boleh mengubah dan menggantikan dapatan hakim bicara sekiranya dapat ditunjukkan bahawa dapatan hakim bicara ternyata salah atau tidak berasaskan keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan.

G **[20]** Prinsip undang-undang mantap ini telah diperjelaskan oleh Ong Hock Thye, CJ (Malaya) dalam kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209 di ms 211 seperti berikut:

> This view of the trial judge as to the credibility of the witness must be given proper
H weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding: see *Sheo Swarup v King-Emperor* AIR 1934 PC 227.

I **[21]** Prinsip yang sama juga telah diperjelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84, di mana Abdul Hamid HMP (pada ketika itu) di ms 93 telah memutuskan seperti berikut:

> The principle of law governing appeals in criminal cases on questions of fact is well

established, in that the Appeal Court will not interfere unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence of a witness founded on the credibility of such witness.

[22] Selanjutnya, atas prinsip yang sama, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737 di mana Abdul Hamid Mohamad HMP (pada ketika itu) di ms 752 telah menyatakan seperti berikut:

Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in *Herchun Singh*'s case 'there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding. Otherwise, no judgment would ever be reversed on question of fact and the provision of s 87 of the CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless'.

[23] Prinsip yang sama juga telah diberi penekanan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 6 MLJ 1; [2007] 5 CLJ 1, di mana Nik Hashim HMP di ms 13 (MLJ); ms 15 (CLJ), telah menyatakan seperti berikut:

The approach to be taken by an appellate court when dealing with a trial court's assessment of credibility of witness is well-established by high authorities. The credibility of a witness is primarily for the trial judge. An appellate court should always be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge who had audio-visual advantage of the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding. Discrepancies will always be found in the evidence of a witness but what a judge has to determine is whether they are minor or material discrepancies. It would be wrong to say just because a witness may have contradicted in his evidence or even told lies on one or two points, his evidence should be totally rejected. In the final analysis it is for the trial judge to determine which part of the evidence of a witness he is to accept and which to reject (see *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 LNS 52 (FC); *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ Rep 101 (FC); *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197 (FC); *Che Omar bin Mohd Akhir v Public Prosecutor* [1999] 2 MLJ 689; [1999] 2 CLJ 780 (CA)). It is not the function of an appellate court to make primary findings of facts (see *Public Prosecutor v Mohd Radzi Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 6 AMR 203; [2006] 1 CLJ 457 (FC)).

[24] Selanjutnya dalam kes *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, Mahkamah Persekutuan melalui Zaki Tun

Azmi CJ telah menyentuh prinsip yang sama dan di ms 164 (MLJ); ms 252 (CLJ), telah memperjelaskan seperti berikut:

> It is an established principle of law that when dealing with finding of facts, the trial judge is more often than not, in a better position to decide. The appellate court must be reluctant to interfere with such findings, unless the facts obviously disclose the courts below had clearly and wrongly evaluated the facts.

[25] Berdasarkan prinsip undang-undang yang mantap yang dinyatakan di atas serta isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak perayu dan responden, mahkamah ini telah menilai semula keterangan pihak pendakwaan dan juga pembelaan untuk memastikan sama ada keputusan HMS yang bijaksana (hakim bicara) itu betul dan wajar, mengambil kira fakta dan keadaan kes.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH INI

[26] Peguam bela perayu dan timbalan pendakwa raya ('TPR') yang bijaksana dalam hujahan bertulis dan lisan masing-masing telah menyentuh beberapa isu semasa pendengaran rayuan ini.

PIHAK PENDAKWAAN TELAH MEMBUKTIKAN SATU KES PRIMA FACIE TERHADAP PERAYU DI AKHIR KES PENDAKWAAN BAGI KETIGA-TIGA PERTUDUHAN TERSEBUT

[27] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa beban pembuktian di akhir kes pendakwaan terletak di pihak pendakwaan yang mesti membuktikan satu kes prima facie sepertimana yang diperuntukkan di bawah ss 173(h)(i) dan 180 Kanun Tatacara Jenayah. Maksud pembuktian suatu kes prima facie telah diperjelaskan dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393.

[28] Dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar*, Mahkamah Persekutuan melalui Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) telah menjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh hakim bicara di akhir kes pendakwaan seperti berikut:

> For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:
>
> (i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263.

[29] Dalam dapatan mahkamah ini, HMS yang bijaksana telah membuat dapatan yang betul di akhir kes pendakwaan, apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu bagi ketiga-tiga pertuduhan yang dihadapkan ke atas perayu. Alasan-alasan HMS yang bijaksana boleh dilihat di ms 25–27 rekod rayuan Jld 1 (perenggan 4.1–4.5 alasan penghakiman) dan juga keputusan HMS yang bijaksana di akhir kes pendakwaan (Lampiran A di ms 225–229 rekod rayuan Jld 2). Setelah membuat penilaian yang maksima ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut dan telah memanggil perayu membela diri bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut.

SP2 SEORANG SAKSI YANG KREDIBEL DAN BOLEH DIPERCAYAI

[30] Naratif kes pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan SP2 (mangsa) yang telah memberi keterangan yang kukuh dan konsisten semasa perbicaraan. SP2 adalah seorang saksi yang boleh dipercayai (*credible*) dan keterangan SP2 adalah konsisten dan telah diterima oleh HMS yang bijaksana. Selanjutnya, setelah penilaian maksima dibuat terhadap keterangan SP2, mahkamah ini juga bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana (hakim bicara) mengenai penerimaan keterangan SP2. Dalam dapatan mahkamah ini, keterangan yang diberikan oleh SP2 adalah begitu menyakinkan dan boleh dipercayai (*unusually convincing*). SP2 telah memberi keterangan dengan baik dan konsisten. Dalam dapatan mahkamah ini, keterangan SP2 adalah kukuh dan begitu menyakinkan dan sabitan perayu boleh dibuat tanpa keterangan sokongan (lihat kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan* [2014] 1 MLJ 363 dan *Zainal bin Ibrahim v Pendakwa Raya* [2009] MLJU 1055; [2010] 3 CLJ 1018).

[31] Selanjutnya, SP2 adalah saksi yang kompeten dan keterangan SP2 telah dapat membuktikan kes prima facie terhadap perayu bagi ketiga-tiga pertuduhan (lihat juga peruntukan ss 118 dan 134 Akta Keterangan 1950). SP2 juga bukan rakan sejenayah perayu dan keterangan SP2 tidak memerlukan

keterangan sokongan (lihat ss 133A dan 114(b) Akta Keterangan 1950 dan s 114(b) Akta Keterangan 1950). Kredibiliti dan kebolehpercayaan SP2 tidak dapat dinafikan atau gagal dipertikaikan oleh pihak perayu.

SP2 DAPAT MENGECAM PERAYU SEMASA KAWAD CAM (*IDENTIFICATION PARADE*) DAN SEMASA PERBICARAAN DI MAHKAMAH (*DOCK IDENTIFICATION*)

[32] Semasa kawad cam yang telah diadakan pada 9 September 2014 (dua hari selepas kejadian), SP2 telah dapat mengecam perayu. SP2 dapat mengecam perayu kerana perbuatan perayu terhadap SP2 semasa kejadian pada 7 September 2014 dan menurut SP2, beliau akan ingat muka perayu sampai bila-bila (lihat ms 28–29 Rekod Rayuan Jld 2 dan juga Laporan Kawad Cam (eksh P19) di ms 23–25 rekod rayuan Jld 3). Di ms 28–29 rekod rayuan Jld 2, SP2 telah mengatakan:

> Dalam kawad cam yang saya buat itu saya cam OKT pada masa itu. OKT yang saya camkan itu sebab dia telah membuat sesuatu yang trauma dan saya akan ingat muka dia sampai bila-bila dan dalam masa terdekat saya boleh camkan. Trauma itu dia cabul saya, mengambil handphone saya, cuba meraba saya, jadi saya ingat muka dia.

[33] SP2 juga dapat mengecam perayu semasa perbicaraan di mahkamah pada 29 Disember 2015. SP2 telah memberikan deskripsi perayu semasa perbicaraan dan telah membuat pengecaman perayu yang berada di dalam kandang orang salah (*dock identification*). Perayu telah dicam secara positif oleh SP2 (lihat ms 22 rekod rayuan Jld 2) dan SP2 telah mengatakan seperti berikut:

> OKT ini deskripsi fizikal dia tinggi badan besar, botak dan kulit tidak putih sangat dan tidak gelap sangat dan berkemeja colour mustard, baju kemeja itu lengan panjang tapi dia sudah lipat sampai paras siku dia. Seluar yang dia pakai colour gelap dari baju dia lebih kurang colour mustard, seluar colour mustard. Seluar ini seluar panjang, kasut dia saya tidak perasan. Orang itu ada di mahkamah pada hari ini, dia di belakang pakai songkok dan baju warna gelap (OKT dicamkan).

[34] Dalam dapatan mahkamah ini, SP2 telah dapat mengecam perayu semasa kawad cam (*identification parade*) dan juga semasa di mahkamah melalui pengecaman dari kandang orang salah (*dock identification*). Keterangan SP2 mengenai pengecaman perayu adalah konsisten dan tidak dapat dinafikan atau dipertikaikan oleh perayu. Perayu telah dicam secara positif oleh SP2 (lihat kes *R v Turnbull & Ors* [1976] 3 All ER 549, *Arumugam s/o Muthusamy v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 73 dan *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49; [2013] 9 CLJ 692).

[35] Dalam kes *Dorai Pandian a/l Munian & Anor v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 525, Ahmad Maarop HMR (pada ketika itu) di ms 545 telah menjelaskan seperti berikut:

The holding of an identification parade is a part of the investigation process carried out by the investigating authority. The evidence of identification parade is relevant and admissible under s 9 of the Evidence Act 1950, and can be used to corroborate the substantive evidence given by the witnesses in court on identification of the accused as the perpetrator of the alleged offence. It is well settled that the substantive evidence is the evidence of identification in court.

[36] Selanjutnya dalam kes *Arumugam s/o Muthusamy v Public Prosecutor*, Chong Siew Fai CJ (Sabah dan Sarawak) di ms 75 telah menyatakan seperti berikut:

Generally speaking, however, a dock identification in the sense as described above, ie identification of an accused for the first time in court at the trial is undesirable, and it would be good practice to hold an identification parade, which, if it turns out to be positive, would tend to strengthen the case for the prosecution.

[37] Dalam kes *Basuni Toher v Public Prosecutor* [2012] 1 LNS 603, Syed Helmi HMR, telah memutuskan seperti berikut:

The cumulative effect of the evidence of SP2 which stands largely unchallenged to our mind establishes beyond reasonable doubt the positive identification of the appellant. The identification of the appellant by SP2 was not only made through the dock but also at the earlier identification parade at the police station. The law pertaining to identification is clear in that dock identification is a piece of substantive evidence. Evidence pertaining to identification parade provides corroborative evidence of the substantive evidence of dock identification.

SP2 DAPAT MENGECAM PAKAIAN YANG DIPAKAI OLH PERAYU SEMASA KEJADIAN

[38] SP2 telah dapat mengecam pakaian yang telah dipakai oleh perayu semasa kejadian (lihat borang bongkar (eksh P37) di ms 54 rekod rayuan Jld 3). Ingatan SP2 mengenai pakaian yang dipakai oleh perayu semasa kejadian adalah baik dan diakui oleh perayu sendiri. Pakaian perayu yang telah dicamkan dan dikenalpasti oleh SP2, yang membuktikan kejadian bukan rekaan atau fantasi SP2 tetapi telah benar-benar berlaku, adalah seperti berikut:

(i) baju lengang panjang warna mustard yang telah dipakai oleh perayu (eksh P7A) (lihat ms 27 rekod rayuan Jld 2 dan ms 68 rekod rayuan Jld 3);

(ii) seluar panjang jenama Levis Straus yang dipakai oleh perayu (eksh P8A) (lihat ms 28 rekod rayuan Jld 2 dan ms 67 rekod rayuan Jld 3); dan

(iv) seluar dalam, warna merah, corak belang-belang yang dipakai oleh perayu (eksh P9A) (lihat ms 28 rekod rayuan Jld 2 dan ms 66 rekod rayuan Jld 3).

[39] SP2 telah dapat mengecam pakaian yang dipakai oleh perayu terutamanya seluar dalam warna merah yang dipakai oleh perayu semasa kejadian. Perayu juga telah mengakui bahawa beliau memakai seluar dalam warna merah semasa kejadian. Fakta ini membuktikan bahawa SP2 dapat tahu mengenai seluar dalam perayu kerana perayu telah menanggalkan seluar dan seluar dalam perayu semasa kejadian. Jika tidak, bagaimana pula SP2 mempunyai maklumat mengenai warna seluar dalam yang telah dipakai oleh perayu semasa kejadian.

LAPORAN POLIS (P5) YANG TELAH DIBUAT OLEH SP2 PADA 7 SEPTEMBER 2014

[40] SP2 telah membuat report polis Bukit Jelutong/006430/14 (eksh P5) pada 7 September 2014 jam 9.27 pagi (lihat ms7 rekod rayuan Jld 3) mengenai kejadian yang telah berlaku terhadap SP2 pada awal pagi (lebih kurang 6.30 pagi). Report polis SP2 telah dibuat dengan segera (beberapa jam selepas kejadian) bagi membolehkan siasatan segera dijalankan oleh pihak polis. Semasa report polis tersebut dibuat, SP2 masih berada dalam keadaan trauma dan mahkamah ini mendapati bahawa SP2 tidak menceritakan perbuatan perayu yang cuba merogol SP2 semasa kejadian (pertuduhan pertama terhadap perayu) (lihat ms 26 dan 36–37 rekod rayuan Jld 2). SP2 dalam keterangannya telah menjelaskan seperti berikut:

> Dalam laporan ini saya tidak menyatakan OKT melakukan cubaan merogol. Saya kata melakukan perbuatan tidak senonoh (blowjob). Ya betul. Dicadangkan cubaan merogol ini berlaku atau tidak, sebenarnya berlaku. Saya tidak akan boleh lupa cubaan rogol. Ya betul. Dicadangkan kita tidak akan beritahu sesuatu benda yang tidak berlaku, tapi saya ada beritahu dengan pegawai. Perkataan blowjob ini bukan dari saya, itu shortform saya, saya tidak pasti. Saya bagi tahu perkara yang dia suruh saya buat. Perkataan blowjob itu saya tidak pasti. Dicadangkan perkataan blowjob ini hanya digunakan oleh orang yang tahu benda ini. Kalau orang yang tidak tahu perkara itu dia tidak akan tahu perkara ini, ya betul. Report ini melakukan perkara yang tidak senonoh dalam kurungan blowjob, ya betul. Perkataan ini blowjob ini bukan satu benda yang asing kalau orang yang biasa buat dia tahu perkara ini, saya tidak setuju. Pada 27/11/2014 ini saya belum kahwin, aktiviti seks ini saya tidak akan tahu, ya.

[41] Mahkamah ini berpendapat bahawa report polis ini bertujuan supaya siasatan polis dapat dijalankan segera dan tidak semestinya mengandungi keseluruhan fakta kes atau keterangan SP2. Adalah didapati bahawa SP2 masih berada di dalam keadaan trauma dan kemungkinan terdapat ketinggalan dalam report polis SP2 tidak dapat dielakkan. Dalam dapatan mahkamah ini, kandungan report polis SP2 (eksh P5) adalah memadai/mencukupi untuk membolehkan pihak polis menjalankan siasatan segera (lihat kes *Public Prosecutor v Rajan Sinniah* [2007] 8 CLJ 674, *Public Prosecutor v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor* [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859, *Mohamed bin*

Kasdi v Public Prosecutor [1969] 1 MLJ 135, *Abdul Malek Atan v Public Prosecutor* [2002] 6 CLJ 405).

KETERANGAN SP2 TELAH DISOKONG OLEH KETERANGAN SAKSI-SAKSI PENDAKWAAN YANG LAIN

[42] Walaupun sabitan perayu boleh dibuat tanpa keterangan sokongan, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa keterangan SP2 (mangsa) mengenai perbuatan perayu terhadap SP2 semasa kejadian telah disokong secara material oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain seperti berikut.

Keterangan Abdul Razak bin Ahmad (SP1) (bapa SP2)

[43] SP1 dalam keterangannya, telah mengatakan seperti berikut:

(a) pada 7 September 2014 jam 6.50 pagi, SP1 telah menerima panggilan telefon daripada SP2 dalam keadaan menangis yang memberitahu SP2 baru dirompak dan telah dilarikan orang di tempat letak kereta apartment SP2 tinggal;

(b) SP2 menggunakan nombor telefon 016 (no pengawal keselamatan apartment tersebut) iaitu bukan nombor SP2 untuk menelefon SP1;

(c) SP2 baru tinggal di apartment tersebut bersama kawan-kawannya mulai bulan Sept 2014;

(d) SP2 menggunakan kereta Myvi putih No WUW 4172 (kereta abang SP2);

(e) apabila SP1 sampai di Balai Polis Shah Alam pada tengah hari 7 September 2014 selepas menaiki penerbangan dari Kuala Terengganu, SP1 telah bertemu dengan SP2 dan telah bertanyakan secara lanjut apa yang telah berlaku kepada SP2; dan

(f) SP2 telah memberitahu SP1 secara lanjut apa yang telah berlaku pada pagi 7 September 2014. Secara ringkasnya, SP2 memberitahu SP1 bahawa:

(i) perayu telah masuk ke dalam kereta SP2 secara paksa;

(ii) SP2 tidak mengenali perayu;

(iii) perayu telah membawa SP2, secara paksa, dalam kereta SP2 dan kemudiannya dalam kereta perayu di sekitar kawasan Seksyen 13, Shah Alam;

(iv) semasa di dalam kereta, perayu telah memaksa SP2 membuat perkara-perkara yang tidak senonoh;

(v) perayu telah memaksa SP2 melancap kemaluan perayu;

(vi) perayu telah memaksa SP2 menghisap kemaluan perayu;

(vii) perayu telah cuba merogol SP2; dan

(viii) perayu juga telah merompak telefon bimbit SP2.

Keterangan Mohd Suhaimi bin Yusuf (SP9)

[44] SP9 dalam keterangannya telah mengatakan seperti berikut:

(a) pada 7 September 2014, beliau bertugas sebagai pengawal keselamatan di apartment Brunsfield, Shah Alam;

(b) pada 7 September 2014 jam lebih kurang 5 pagi, kereta Myvi putih yang dipandu oleh SP2 telah masuk ke kawasan apartment dan SP9 mengenali SP2 yang memandu Myvi putih kerana SP2 tinggal di situ dan kereta SP2 ada pelekat kereta;

(c) SP9 telah membuka palang keselamatan dan membenarkan kereta yang dipandu oleh SP2 masuk ke dalam kawasan apartment;

(d) selepas kereta SP2 masuk, kereta Myvi oren yang dipandu oleh perayu telah masuk ke kawasan apartment tersebut;

(e) SP9 tidak sempat menahan kereta Myvi oren yang dipandu perayu masuk ke kawasan apartment;

(f) kereta Myvi oren yang dipandu oleh perayu, walaupun, tidak mempunyai pelekat keselamatan tetapi telah dapat masuk ke kawasan apartment;

(g) kereta Myvi putih masuk kali kedua ke kawasan apartment dan SP9 nampak ada perempuan (SP2) dan lelaki (perayu) memandu kereta tersebut;

(h) nampak SP2 balik dengan berjalan kaki dari jalan besar dalam pukul 7 pagi dan masuk ke pondok pengawal keselamatan, dalam keadaan takut dan menangis dan memberitahu SP9 bahawa beliau telah diragut;

(i) selepas itu, SP2 telah meminjamkan telefon bimbit SP9 untuk SP2 membuat panggilan telefon; dan

(j) nampak perayu yang memandu kereta Myvi oren mengangkat palang keselamatan kerana tidak ada kad akses dan perayu juga bukan penghuni apartment tersebut.

Keterangan Insp Mohd Izuan bin Mangsur (SP11)

[45] SP11 dalam keterangannya telah mengatakan seperti berikut:

(a) pada 9 September 2014 jam 12.30 malam telah membuat tangkapan ke atas perayu di alamat No 301 Blok 29, Seksyen 24, Shah Alam;

(b) semasa ditangkap, perayu kelihatan tergamam dan telah menunjukkan telefon bimbit jenama Samsung (bukan milik perayu) yang disimpan/disembunyikan di dalam sebuah almari dalam bilik tidur perayu (lihat ms 78 dan 81 rekod rayuan Jld 2);

(c) di rumah perayu, SP11 juga telah merampas sehelai jeans berwarna biru, sehelai baju berwarna merah dan sebuah kereta Myvi warna oren yang digunakan oleh perayu semasa kejadian;

(d) SP11 telah membuat report tangkapan Seri Muda/003376/14 (eksh P27) bertarikh 9 September 2014 jam 1.05 pagi (lihat ms 32 rekod rayuan Jld 3) dan Seri Muda/003380/14 (eksh P28) bertarikh 9 September 2014 jam 2.11 pagi (lihat ms 34 rekod rayuan Jld 3);

(e) SP11 telah menyediakan borang bongkar bertarikh 9 September 2014 (eksh P26) (lihat ms 31 rekod rayuan Jld 3); dan

(f) pengakuan awal perayu bahawa dia terlibat dalam satu kes samun melibatkan telefon bimbit SP2 dan mengakui telefon bimbit tersebut bukan milik perayu dan adalah hasil samun tersebut (lihat ms 80 rekod rayuan Jld 2).

Keterangan Yuarajah a/l Velusamy (SP7)

[46] SP7 yang bertugas sebagai juruteknik (*technician*) di *apartment* Brunsfield dalam keterangannya telah mengatakan seperti berikut:

(a) rakaman CCTV keluar masuk kawasan letak kereta apartment pada 7 September 2014 menunjukkan kereta Myvi warna putih (dipandu oleh SP2) dan diikuti Myvi warna oren (dipandu oleh perayu) masuk ke kawasan letak kereta (lihat ms 55 rekod rayuan Jld 2); dan

(b) rakaman CCTV menunjukkan kereta Myvi warna oren yang dipandu oleh perayu telah mengangkat palang keselamatan kerana tidak mempunyai akses kad untuk masuk ke kawasan apartment (lihat ms 58 rekod rayuan Jld 2).

Keterangan Sarjan Nasir bin Mohamad (SP14)

[47] SP14 dalam keterangannya telah mengatakan seperti berikut:

(a) beliau telah merampas telefon bimbit Samsung warna biru, baju merah dan seluar jeans dan tali pinggang dari rumah perayu (lihat ms 104 rekod rayuan Jld 2); dan

(b) semasa dirampas, perayu memaklumkan telefon bimbit tersebut bukan milik perayu dan tidak dapat memberitahu milik siapa (lihat ms 105 dan 106 rekod rayuan Jld 2).

Keterangan Insp Zuraiza bt Zainal Abidin (SP15)

[48] SP15 (pegawai penyiasat) dalam keterangannya telah mengatakan seperti berikut:

(a) beliau telah berjumpa dan menemubual SP2 (mangsa) pada jam 10 pagi 7 September 2014;

(b) SP2 telah menceritakan perbuatan perayu terhadapnya dengan lanjut semasa kejadian yang berlaku pada awal pagi 7 September 2014 (lihat ms 109 rekod rayuan Jld 2);

(c) SP2 tidak mengenali perayu (lihat ms 134 rekod rayuan Jld 2);

(d) SP2 memberitahu SP15 bahawa semasa di dalam kereta SP2, perayu telah meraba buah dada SP2;

(e) SP2 memberitahu SP15 bahawa perayu juga telah memaksa SP2 menghisap kemaluan perayu;

(f) SP2 memberitahu SP15 bahawa perayu juga telah cuba merogol SP2 (lihat ms 124–125 rekod rayuan Jld 2);

(g) SP2 memberitahu SP15 bahawa perayu telah merompak telefon bimbit jenama Samsung milik SP2;

(h) SP2 memberitahu SP15 bahawa perayu telah memaksa SP2 menaiki kereta yang dipandu oleh perayu dan kemudiannya meninggalkan SP2 di tepi jalan dekat Tesco Shah Alam;

(i) SP2 memberitahu SP15 beliau terpaksa berjalan kaki untuk balik ke apartment selepas ditinggalkan oleh perayu di tepi jalan;

(j) SP2 memberitahu SP15, apabila sampai di apartment, beliau telah berjumpa dengan pengawal keselamatan yang bertugas (SP9) dan telah meminjam telefon bimbit SP9 untuk menelefon bapa SP2;

(k) SP2 memberitahu SP15 beliau berasa amat takut dan trauma di atas kejadian dan semasa rakaman percakapan, beliau dalam keadaan trauma dan menangis (lihat ms 110 rekod rayuan Jld 2);

(l) rakaman CCTV menunjukkan selepas kereta yang dipandu oleh SP2 masuk ke kawasan apartment, ianya diikuti di belakangnya kereta Myvi yang dipandu oleh perayu (lihat ms 122–123 rekod rayuan Jld 2);

(m) rakaman CCTV menunjukkan tangan perayu menghalang/menahan penghadang yang mahu turun semasa perayu memasuki kawasan apartment (lihat ms 121–122 rekod rayuan Jld 2);

(n) ibu perayu (SD2) telah menyerahkan sim kad Celcom (eksh P35B(ii)) milik SP2 kepada SP15 pada 9 September 2014 (lihat ms 114 rekod rayuan Jld 2);

(o) ibu perayu (SD2) telah menyerahkan sehelai baju kemeja, sehelai seluar dan seluar dalam yang dipakai oleh perayu semasa kejadian kepada SP15 (lihat ms 115 rekod rayuan Jld 2);

(p) hasil siasatan membuktikan kejadian yang diceritakan oleh SP2 memang berlaku kerana apabila perayu ditangkap, barang-barang kes milik SP2 telah dirampas daripada perayu (lihat ms 123 rekod rayuan Jld 2); dan

(q) telah menerima arahan TPR untuk menuduh perayu di bawah ss 376/511 Kanun Keseksaan (untuk cubaan rogol), s 377C Kanun Keseksaan (memasukkan kemaluan perayu ke dalam mulut SP2) dan s 392 Kanun Keseksaan (merompak telefon bimbit SP2) (lihat ms 123 rekod rayuan Jld 2).

[49] Mengenai keterangan sokongan dalam kes jenayah seksual, *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* (27th Ed), di ms 1702, telah menyatakan seperti berikut:

> A woman or a girl who is raped is not an accomplice. Corroboration is not the *sine qua non* for conviction in a rape case. When a woman is ravished, what is inflicted is not merely physical injury but the deep sense of some deathless shame. The accused cannot insist on corroborative evidence, even if case spoken by victim was probable. The judicial response to human right cannot be blunted by legal jugglery.
>
> To insist on corroboration except in the rarest of rare cases is to equate one who is a victim of the lust of another with an accomplice to a crime and thereby insult womanhood. It would be adding insult to injury to tell a woman that her claim of rape will not be believed unless it is corroborated in material particulars as in the case of an accomplice to a crime. Why should the evidence of the girl or woman who complains of rape or sexual molestation be viewed with the aid of spectacles fitted with lenses tinged with doubt, disbelief or suspicion? The plea about lack of corroboration has no substance. It is well settled by a catena of decisions of the

Supreme Court that there is no rule of law or practice that the evidence of the prosecutrix cannot be relied upon without corroboration and as such it has been laid down that corroboration is not a *sine qua non* for a conviction in a rape case.

Pemakaian s 157 Akta Keterangan 1950

[50] Selanjutnya, mahkamah ini juga bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa, mengambil kira keadaan dan fakta dalam kes ini, keterangan SP2 adalah konsisten dan boleh dipercayai dan juga bersandarkan kepada peruntukan s 157 Akta Keterangan 1950, keterangan SP2 telah disokong sewajarnya oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain sepertimana yang dinyatakan di atas dan juga keterangan lain seperti report polis SP2, rakaman CCTV semasa kejadian, penemuan telefon bimbit SP2 dalam simpanan perayu dan dijumpai dalam bilik perayu, pengecaman pakaian yang dipakai oleh perayu semasa kejadian oleh SP2, pengecaman perayu oleh SP2 semasa kawad cam dan pengecaman perayu di mahkamah dari kandang orang salah.

[51] Peruntukan s 157 Akta Keterangan 1950 telah dirujuk dalam kes *Mohd Yusof B Rahmat v Pendakwa Raya* [2009] MLJU 33; [2009] 2 CLJ 673 dan Mahkamah Rayuan, di ms 679–680 telah memperjelaskan seperti berikut:

> The effect of this section on the established common law notion that a person cannot corroborate himself was explained by Raja Azlan Shah FJ (as His Royal Highness then was) in *Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor* [1975] 1 MLJ 119; [1974] 1 LNS 61:
>
> > It is settled law that a person cannot corroborate himself but it would appear that s 157 of the Evidence Act enables a person to corroborate his testimony by his previous statement. The section adopts a contrary rule of English jurisprudence by enacting that a former statement of a witness is admissible to corroborate him, if the former statement is consistent with the evidence given by him in court. The rule is based on the assumption that consistency of utterance is a ground for belief in the witness's truthfulness, just as inconsistency is a ground for disbelieving him.
>
> The Federal Court then added that this 'constitutes a very weak type of corroborative evidence as it tends to defeat the object of the rule that a person cannot corroborate himself.
>
> When the High Court confronted this same issue in *Public Prosecutor v Paneerselvan Krishnan & Ors* [1991] 1 MLJ 106; [1990] 2 CLJ 833; [1990] 2 CLJ Rep 804, Edgar Joseph Jr J (as he then was) ruled that such a previous statement made by the witness is 'technically' admissible but excluded it as corroboration on ground that its probative value was outweighed by its prejudicial effect.
>
> In another High Court judgment of *Aziz bin Muhamad Din v Public Prosecutor* [1996] 5 MLJ 473; [1997] 1 CLJ Supp 523, Augustine Paul JC (as he then was) went even further to say that the use of such statement for the purpose of corroboration in a criminal case, just like that in a civil suit, is excluded by virtue of

s 73A(7) of the Act. This subsection declares:

> For the purpose of any rule of law or practice requiring evidence to be corroborated, or regulating the manner in which uncorroborated evidence is to be treated, a statement rendered admissible as evidence by this Act shall not be treated as corroboration of evidence given by the maker of the statement.

It is our judgment that the view expressed by the High Court in *Aziz Muhamad Din v Public Prosecutor* on this issue of s 157 of the Act being excluded by virtue of s 73A(7) of the Act is erroneous. Section 73A(7) of the Act only applies to a civil case. This is explicitly stated both in the marginal note of s 73A of the Act which says 'Admissibility of documentary evidence in civil cases, etc' and in the commencement of sub-ss (1) and (2) of s 73A of the Act which specially declare that these provisions are for those 'in any civil proceedings ...' It is therefore our view that since s 157 of the Act is not excluded from application in a criminal case by s 73A of the Act, s 157 remains applicable in criminal proceedings.

[52] Dalam buku *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* (27th Ed) di ms 1695–1969 mengenai keterangan mangsa jenayah seksual, penulis telah menyatakan seperti berikut:

> Evidence of prosecutrix — It is no doubt true that in law the conviction of an accused on the basis of the testimony of the prosecutrix alone is permissible, but that is in a case where the evidence of the prosecutrix inspires confidence and appears to be natural and truthful. In the matter of rape, the statement of prosecutrix must be given primary consideration, but, the prosecution has to prove its case beyond reasonable doubt and there can be no presumption that a prosecutrix would always tell the entire story truthfully. It is now a well settled principle of law that conviction can be sustained on the sole testimony of the prosecutrix, if it inspires confidence. In a case of rape, particularly when the victims are illiterate, uneducated, their statements have to be accepted *in toto* without further corroboration. Minor contradictions or insignificant discrepancies should not be a ground for throwing out an otherwise reliable prosecution case. The main evidence in all such cases is that of the victim herself. The prosecutrix of a sex offence is a victim of a crime. The woman who is not victim of sexual assault is not accomplice to crime. Her evidence cannot be tested with suspicion as that if an accomplice. The evidence of prosecutrix is similar to evidence of injured complainant or witness. The testimony of prosecutrix, if found to be reliable by itself may be sufficient to convict the culprit and no corroboration of her evidence is necessary. In prosecution of rape, the law does not require corroboration.

[53] Selanjutnya, adalah didapati bahawa keterangan material saksi-saksi pendakwaan telah dibuat penilaian maksima oleh hakim bicara yang bijaksana di akhir kes pendakwaan. Kes pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan SP2 (mangsa). Intipati-intipati pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan ketiga telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan melampaui keraguan yang munasabah. Pembelaan perayu yang merupakan penafian semata-mata gagal menimbulkan keraguan munasabah dalam kes

pendakwaan. Pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah bagi ketiga-tiga pertuduhan yang dihadapkan ke atas perayu.

[54] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana, setelah penilaian maksima dibuat kepada keterangan kes pendakwaan di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu dan oleh itu perayu telah dipanggil untuk membela diri bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Sehubungan itu, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* di ms 399 telah memperjelaskan tugas hakim bicara di akhir kes pendakwaan seperti berikut:

> What is required of a subordinate court and the High Court under the amended sections is to call for the defence when it is satisfied that a prima facie case has been made out at the close of the prosecution case. This requires the court to undertake a maximum evaluation of the prosecution evidence when deciding whether to call on the accused to enter upon his or her defence. It involves an assessment of the credibility of the witnesses called by the prosecution and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence. Thus, if the prosecution evidence admits of two or more inferences, one of which is in the accused's favour, then it is the duty of the court to draw the inference that is favourable to the accused (see *Tai Chai Keh v Public Prosecutor* [1948–49] MLJ Supp 105; *Public Prosecutor v Kasmin bin Soeb* [1974] 1 MLJ 230). If the court, upon a maximum evaluation of the evidence placed before it at the close of the prosecution case, comes to the conclusion that a prima facie case has not been made out, it should acquit the accused. If, on the other hand, the court after conducting a maximum evaluation of the evidence comes to the conclusion that a prima facie case has been made out, it must call for the defence.

TELEFON BIMBIT SP2 TELAH DIJUMPAI DALAM SIMPANAN PERAYU

[55] Telefon bimbit milik SP2 telah dijumpai dalam simpanan perayu oleh ibu perayu (SD2). Adalah didapati juga sim card telefon bimbit milik SP2 telah ditukar oleh perayu. Alasan perayu apabila ditanya oleh ibu perayu (SD2), telefon bimbit itu milik kawan perayu yang tertinggal dalam kereta perayu tidak disokong oleh keterangan sokongan. Malahan, identiti kawan perayu juga tidak dinyatakan oleh perayu dalam pembelaanya.

[56] Selain itu, kawan perayu yang tertinggal telefon bimbitnya di dalam kereta perayu juga tidak dipanggil sebagai saksi pembelaan oleh pihak pembelaan. Perayu juga telah gagal memberi penjelasan yang munasabah mengapa sim card telefon bimbit itu telah ditukar jika benar telefon bimbit tersebut milik kawan perayu yang tertinggal dalam kereta perayu. Perayu juga gagal menjelaskan kenapa telefon bimbit tersebut disimpan oleh perayu dan tidak dipulangkan segera kepada kawannya.

[57] SP2 juga telah dapat mengecam telefon bimbit miliknya (eksh P35B) yang dirampas daripada perayu dan mengesahkan ia adalah telefon bimbitnya jenama Samsung X3 berdasarkan *casing* warna biru gelap (lihat ms 106 rekod rayuan Jld 2) dan SP2 juga dapat mengesahkan sim card Celcom (eksh P35B(ii)) miliknya yang berada di dalam telefon bimbitnya semasa dirompak oleh perayu (lihat ms 107 rekod rayuan Jld 2).

RAKAMAN CCTV PADA PAGI KEJADIAN MEMBUKTIKAN KERETA MYVI WARNA OREN PERAYU TELAH MEMASUKI DAN KELUAR DARIPADA KAWASAN *APARTMENT* BRUNSFIELD SEMASA KEJADIAN

[58] Keterangan SP2 mengenai keluar masuk kereta SP2 dan kereta perayu ke dalam kawasan *apartment* Brunsfield pada pagi semasa kejadian telah disokong dengan rakaman CCTV yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Dalam CCTV tersebut, menunjukkan kereta Myvi yang dipandu oleh perayu berada di belakang kereta Myvi yang dipandu oleh SP2 semasa memasuki kawasan *apartment* tersebut. Rakaman CCTV juga menunjukkan perayu menggunakan tangannya untuk menghalang/menahan penghadang semasa memasuki kawasan *apartment* (lihat ms 11–21 rekod rayuan Jld 3).

[59] Adalah didapati bahawa keterangan Yuarajah a/l Velusamy (SP7) (juruteknik *apartment*) telah menyokong keterangan SP2. SP7 telah mengatakan di ms 55 rekod rayuan Jld 2 seperti berikut:

> Apabila dibuka rakaman CCTV tersebut saya dapat lihat satu kereta Myvi warna putih dan kereta Myvi warna oren hendak masuk parking basement. Selain dari hendak masuk parking di basement, dia masuk ada camera dan masa kereta itu hendak keluar juga ada satu camera.

Di ms 58 rekod rayuan, SP7 mengatakan seperti berikut:

> Ada kemasukan kereta dalam tempat tersebut. Dalam CCTV ini ada 2 kereta yang masuk. 2 kereta yang masuk ini kedua-duanya kereta jenis Myvi. Berdasarkan CCTV ini warna kereta itu putih dan oren. Ada ramai yang melihat CCTV itu di tempat kejadian termasuk saya. Bila kereta putih telah masuk, kereta oren itu telah angkat palang itu untuk masuk. Kereta oren itu cuba angkat palang itu setelah kereta warna putih Myvi masuk, untuk apa dia masuk berdasarkan CCTV tidak pasti. Berdaasarkan CCTV, setelah kereta Myvi putih masuk, palang tertutup dan kereta oren palang tidak naik kereta kereta Myvi oren tidak mempunyai access card. CCTV dimainkan. Berdasarkan CCTV yang dimainkan ini 2 kereta Myvi masuk yang pertama Myvi warna putih dan lepas itu Myvi warna oren.

[60] Perayu juga telah gagal memberikan penjelasan yang munasabah kenapa perayu berada di tempat kejadian pada jam 6 pagi walhal tempat

kejadian bukanlah tempat tinggal perayu atau tempat tinggal ahli keluarga perayu. Alasan perayu kononnya perayu mencari seorang pelajar universiti yang tinggal di situ pada jam 6 pagi buta adalah tidak munasabah sama sekali. Perayu gagal menyatakan apakah alasan kecemasan yang memerlukan perayu mencari pelajar MSU tersebut pada pagi buta semasa kejadian dan sama ada pelajar yang bernama Fatin tersebut tinggal di *apartment* tersebut.

PEMBELAAN PERAYU GAGAL MENIMBULKAN KERAGUAN YANG MUNASABAH DALAM KES PENDAKWAAN

[61] Perayu telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah dalam Bahasa Malaysia. Selain perayu (SD1) yang memberi keterangan, ibu perayu (SD2) dan abang perayu (SD3) juga telah memberi keterangan sebagai saksi pembelaan. Dalam pembelaannya, perayu hanya menafikan ketiga-tiga pertuduhan yang dihadapkan ke atas perayu. Pembelaan perayu adalah penafian semata-mata dan tidak dapat menyangkal keterangan saksi-saksi pendakwaan dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah dalam kes pendakwaan.

[62] Dalam dapatan mahkamah ini, hakim bicara telah menimbangkan pembelaan perayu dengan sewajarnya. Ini boleh dilihat alasan penghakiman hakim bicara di ms 28–30 rekod rayuan Jld 1 dan juga ms 230–232 rekod rayuan Jld 2. Setelah penilaian maksima dibuat oleh mahkamah ini, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara. Pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan. Pembelaan perayu merupakan penafian semata-mata.

[63] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa SD2 dan SD3 adalah saksi yang berkepentingan. Namun begitu, kedua-dua saksi tersebut tidak berada di tempat kejadian semasa kejadian dan oleh itu, tidak mempunyai pengetahuan mengenai apa yang telah berlaku di antara perayu dan SP2 semasa kejadian. Kedua-dua saksi tersebut hanya menimbulkan isu mengenai telefon bimbit yang dijumpai dalam kereta perayu oleh SD2 selepas kejadian dan bahawa jawapan perayu ialah telefon bimbit tersebut adalah milik kawannya yang tertinggal telefon bimbit tersebut dalam kereta perayu.

[64] Adalah didapati bahawa perayu dalam pembelaannya tidak menafikan fakta-fakta berikut:

(a) perayu mengaku telah berjumpa dengan SP2 (mangsa) semasa kejadian (lihat ms 159 rekod rayuan Jld 2);

(b) perayu mengaku telah pergi ke apartment SP2 semasa kejadian (lihat ms 160 rekod rayuan Jld 2);

(c) perayu mengaku telah pergi ke apartment SP2 pada jam lebih kurang

6 pagi (lihat ms 160 rekod rayuan Jld 2);

(d) perayu mengaku telah menaiki dan memandu kereta SP2 semasa kejadian bersama SP2 (lihat ms 160 rekod rayuan Jld 2);

(e) perayu mengaku telah memandu kereta SP2 dan membawa SP2 di sekitar bandar Shah Alam semasa kejadian (lihat ms 161 rekod rayuan Jld 2);

(f) perayu mengaku telah menolak palang keselamatan untuk masuk ke dalam kawasan apartment (lihat ms 161 rekod rayuan Jld 2);

(g) perayu mengaku memakai seluar warna mustard dan seluar dalam warna merah (lihat ms 162 rekod rayuan Jld 2);

(h) perayu mengaku telah minum air dalam botol semasa berada di dalam kereta SP2 (lihat ms 162 rekod rayuan Jld 2);

(i) perayu mengaku telah meninggalkan (*drop*) SP2 tidak jauh dari apartment SP2 (lihat ms 164 rekod rayuan Jld 2);

(j) perayu mengaku telefon bimbit SP2 berada di dalam kereta perayu tetapi disebabkan SP2 tertinggal telefon bimbitnya semasa turun daripada kereta perayu (lihat ms 164 rekod rayuan Jld 2);

(k) perayu mengaku tidak kenal sangat SP2 dan tidak pernah menghubungi SP2 sebelum kejadian (lihat ms 164 rekod rayuan Jld 2);

(l) perayu mengaku semasa ditangkap polis pada 9 September 2014, telefon bimbit SP2 berada dalam simpanan perayu dan berada di dalam bilik perayu (lihat ms 166–167 rekod rayuan Jld 2); dan

(m) perayu mengaku sim card emak perayu berada di dalam telefon bimbit SP2 semasa perayu ditangkap polis (lihat ms 166 rekod rayuan Jld 2).

[65] Selanjutnya, mengenai pembelaan perayu yang merupakan penafian semata-mata, Mahkamah Rayuan dalam kes *Ahmadi bin Moin v Public Prosecutor* [2017] MLJU 271; [2017] 1 LNS 303 telah memperjelaskan seperti berikut:

> We found that the learned trial judge had duly considered all the evidence adduced before concluding that the defence of the appellant were *mere denial* and an afterthought. It is the duty of the defence to put its case to the prosecution's witnesses as might be in a position to admit or deny it to enable the prosecution to check on whether an accused's version of the facts is true of false, and thus avoid the adverse comment, that the defence is a recent invention, *bare denial* or an afterthought (*Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209; [1996] 1 CLJ 705).

[66] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa

pembelaan perayu merupakan penafian semata-semata dan bukan merupakan penafian yang disertakan dengan penjelasan yang munasabah sepertimana yang diperjelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Leong Heo Cheong* [1990] MLJU 11; [1990] 2 CLJ Rep 738. Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi di ms 744 telah memperjelaskan seperti berikut:

> I must now confront the issue of critical substance at the close of the case for the defence. Had it been proved by the prosecution that at the time and place mentioned in the charge the accused was caught red-handed carrying the sling bag containing the heroin? If so, in the absence of any acceptable explanation, he would be a trafficker within the meaning of s 2 of the Dangerous Drugs Act.
>
> It was submitted by the learned Deputy that the defence of the accused was a bare denial and therefore insufficient to rebut the presumptions under s 37(d) (as to knowledge) and (g) (as to trafficking) of the Act.
>
> In my view, it was not quite correct to describe the defence of the accused as a bare denial; it was a denial coupled with an explanation. Nevertheless, it was true to say that there was an acute conflict of evidence between Sidek's version as to the circumstances under which the accused was arrested and that of the accused.

[67] Dalam dapatan mahkamah ini, pembelaan perayu merupakan satu penafian semata-mata dan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan. Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa penafian, jika tidak disokong oleh keterangan yang kukuh dan boleh dipercayai, adalah 'self-serving assertion' yang tidak mempunyai apa-apa nilai/berat keterangan di sisi undang-undang. Penafian yang dibuat oleh perayu tidak boleh mengatasi keterangan positif, jelas dan tegas oleh SP2 (lihat kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan*.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[68] Setelah menimbangkan keseluruhan keseluruhan keterangan pihak pendakwaan dan juga pembelaan perayu, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan. Selanjutnya, mahkamah ini juga bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan sabitan perayu bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut adalah selamat dan wajar dikekalkan.

HUKUMAN PENJARA BERJALAN SERENTAK

[69] Mengenai hukuman penjara yang dijatuhkan oleh hakim bicara yang bijaksana, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa hukuman penjara bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut hendaklah berjalan serentak, mulai dari tarikh jatuh hukum, kerana ketiga-tiga kesalahan tersebut

berlaku dalam satu kejadian yang sama, pada tarikh dan masa yang sama dan juga melibatkan mangsa dan perayu yang sama. Dalam dapatan mahkamah ini, hukuman yang diberikan oleh hakim bicara adalah wajar, setimpal dan munasabah, dengan kesalahan yang dilakukan oleh perayu. Dalam dapatan mahkamah ini, hakim bicara juga telah mengaplikasi prinsip penghukuman yang betul dan telah menimbangkan sewajarnya mitigasi rayuan hukuman oleh peguam bela perayu dan hujahan pemberatan hukuman oleh TPR yang bijaksana (lihat kes *Bachik Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534, *Yit Kean Hong v Public Prosecutor* [2005] 4 CLJ 592 dan *Pendakwa Raya v Prabu a/l Veeramuthu and Others* [2010] MLJU 663; [2010] 8 CLJ 257).

[70] Dengan hormatnya, mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan TPR yang bijaksana supaya hukuman penjara yang dijatuhkan oleh hakim bicara berjalan secara berasingan. Dalam dapatan mahkamah ini, hukuman penjara yang berjalan secara berasingan, akan mengakibatkan perayu perlu menjalani hukuman penjara secara keseluruhannya berjumlah 34 tahun dan ini akan mendatangkan kesan yang teruk (*crushing effect*) kepada perayu dan akibatnya, perayu akan meringkuk lebih lama dalam penjara dan tidak dapat dipulihkan untuk kembali semula kepada keluarga dan masyarakat. Pemulihan perayu ataupun tindakan reformatif demi kepentingan awam perlu dijalankan supaya perayu benar-benar insaf dan bertaubat serta dapat menjadi insan yang baik, berjasa kepada keluarga dan masyarakat pada masa hadapan.

[71] Mahkamah ini juga tidak berhasrat mengubah jumlah hukuman penjara dan sebatan yang dijatuhkan oleh hakim bicara mengambil kira prinsip undang-undang yang telah diputuskan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193, di mana Mahkamah Persekutuan di ms 228 telah memutuskan seperti berikut:

> It is of the utmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence.

(Lihat juga keputusan kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83, *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256, *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315, *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App Rep 74 dan *R v Ball* (1951) 35 Cr App Rep 164).

KESIMPULAN

[72] Dengan yang demikian, berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, rayuan pendakwa raya terhadap hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut adalah dengan ini ditolak. Manakala rayuan perayu terhadap sabitan

dan hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut juga ditolak. Keputusan hakim bicara mengenai sabitan dan hukuman adalah dikekalkan.

[73] Atas permohonan peguam perayu, permohonan untuk penggantungan pelaksanaan (sementara rayuan perayu difailkan di Mahkamah Rayuan) adalah dibenarkan dan wang jaminan dinaikkan daripada RM40,000 (asal) kepada RM45,000 dengan dua orang penjamin dan perayu perlu melaporkan diri di Balai Polis Seri Muda, Shah Alam pada setiap minggu pertama pada setiap bulan.

Kedua-dua rayuan perayu dan pihak pendakwaan ditolak; keputusan hakim bicara dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar